

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada **26 November 2021** telah menyenaraikan **Afrika Selatan, Botswana, Eswatini, Lesotho, Mozambique, Namibia** dan **Zimbabwe** sebagai negara yang dikenakan sekatan perjalanan sementara dan diikuti **Malawi** pada **1 Disember 2021**, menjadikan sebanyak **8 buah negara**. Pengembara selain daripada 8 buah negara tersebut dibenarkan untuk menyertai Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi. Selain perlu menjalankan ujian pengesanan COVID-19 menggunakan RT-PCR **sekurang-kurangnya 72 jam sebelum bertolak ke Malaysia** dan pada hari ketibaan, pengembara ke Langkawi ini juga perlu menjalani ujian pengesanan COVID-19 menggunakan ujian **RTK-Antigen (RTK-Ag) Professional pada hari ke-3 dan hari ke-5 selepas ketibaan**. Bagi pengembara yang membuat ujian di Langkawi pada hari ketibaan di pulau itu, mereka dibenarkan tinggal di hotel sementara menunggu keputusan ujian dan akan menerima perintah pengawasan dan pemerhatian (HSO) secara digital dalam aplikasi MySejahtera.

Selain itu, pengembara selain daripada 8 buah negara tersebut **juga dibenarkan memasuki Malaysia untuk melancong ke negeri-negeri selain Langkawi** dengan menjalani kuarantin wajib. Tempoh kuarantin bergantung kepada status vaksinasi, iaitu **7 hari untuk individu dengan vaksin lengkap** dan **10 hari sekiranya tidak menerima vaksin lengkap atau tidak menerima vaksin**. Tempat kuarantin mengikut kelulusan yang diberikan oleh **Home Quarantine Application (HQA)**, sama ada di rumah / tempat kediaman atau stesen kuarantin. Pengembara yang tidak diluluskan untuk menjalani kuarantin di rumah / tempat kediaman perlu membuat tempahan bilik di hotel yang dikenal pasti sebagai stesen kuarantin.

Mereka yang datang dari **negara berisiko tinggi** dan menjalani kuarantin di rumah / tempat kediaman akan dipakaikan **peranti pengesan digital** atau **digital tracker**. Negara berisiko tinggi ini akan dimaklumkan oleh KKM dari semasa ke semasa dan akan diberikan kepada Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) yang berkaitan. Keperluan menjalani ujian pengesanan COVID-19 menggunakan RT-PCR semasa ketibaan dan pada hari ke-5 sekiranya kuarantin selama 7 hari atau pada hari ke-8 sekiranya kuarantin selama 10 hari. Penilaian risiko akan dilakukan ke atas pengembara pada hari ke-7 atau hari ke-10 sebelum pelepasan kuarantin.

Sehingga jam 8:00 pagi **30 Disember 2021**, bilangan keseluruhan *Person Under Surveillance* (PUS) dikuarantinkan di seluruh negara adalah seramai **337,845**. Bilangan PUS yang sedang ditempatkan di **38** hotel dan **3** premis lain (Institusi Latihan Awam & institusi pengajian swasta) di WP Kuala Lumpur, Selangor, Neg. Sembilan, Johor, Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Sarawak, Sabah & WP Labuan adalah seramai **4,193**. Manakala, bilangan PUS yang telah discaj & dibenarkan pulang adalah seramai **328,839** & **4,813** lagi PUS telah dibawa ke hospital.

Senarai Stesen Kuarantin (SK) & Bil. PUS yang ditempatkan adalah seperti berikut:

A. WP Kuala Lumpur:

Bil. SK Aktif: 10 hotel; 0 premis lain

Bil. PUS Semasa: 2,048

Bil. Discaj: 125,779

Bil. Ke Hosp.: 1,580

1. Hotel Ibis Style Pudu – 313 PUS (Discaj: 7,935; Hosp.: 98)
2. Hotel Ibis KLCC – 292 PUS (Discaj: 17,608; Hosp.: 213)
3. Hotel Royal Bukit Bintang – 290 PUS (Discaj: 7,444; Hosp.: 260)
4. Hotel Furama – 218 PUS (Discaj: 11,493; Hosp.: 118)
5. Hotel Swiss Garden – 161 PUS (Discaj: 9,939; Hosp.: 103)
6. Hotel Crystal Crown – 141 PUS (Discaj: 3,844; Hosp.: 49)
7. Hotel Cosmo – 156 PUS (Discaj: 4,627; Hosp.: 26)
8. Hotel KIP – 141 PUS (Discaj: 4,388; Hosp.: 47)
9. Hotel Mercure – 217 PUS (Discaj: 2,286; Hosp.: 30)
10. Hotel Ancasa – 119 PUS (Discaj: 4,917; Hosp.: 82)

B. Selangor:

Bil. SK Aktif: 8 hotel; 0 premis lain

Bil. PUS Semasa: 1,091

Bil. Discaj: 71,777

Bil. Ke Hosp.: 487

1. Hotel Sama-Sama, Sepang – 198 PUS (Discaj: 8,411; Hosp.: 47)
2. Hotel Dorsett Grand, Subang – 124 PUS (Discaj: 9,492; Hosp.: 75)
3. Hotel Crystal Crown, PJ – 106 PUS (Discaj: 6,990; Hosp.: 49)
4. Hotel Hilton Garden Inn, Puchong – 151 PUS (Discaj: 3,891; Hosp.: 28)
5. Hotel Oriental Crystal, Kajang – 64 PUS (Discaj: 4,236; Hosp.: 12)
6. Hotel Pegasus, Shah Alam – 96 PUS (Discaj: 2,300; Hosp.: 4)
7. Hotel Summit USJ, Subang – 218 PUS (Discaj: 7,547; Hosp.: 101)
8. Hotel Clio, Sunway – 134 PUS (Discaj: 6,287; Hosp.: 14)

C. Neg. Sembilan:

Bil. SK Aktif: 0 hotel; 1 premis lain

Bil. PUS Semasa: 10

Bil. Discaj: 9,279

Bil. Ke Hosp.: 581

1. Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) – 10 PUS (Discaj: 1,243; Hosp.: 88)

D. Johor:

Bil. SK Aktif: 4 hotel; 1 premis lain

Bil. PUS Semasa: 501

Bil. Discaj: 48,162

Bil. Ke Hosp.: 141

1. Hotel Crystal Crown, JB – 107 PUS (Discaj: 1,214; Hosp.: 107)
2. Hotel Good Hope, JB – 70 PUS (Discaj: 1,623; Hosp.: 0)
6. KSL Hotspring Resort, JB – 214 PUS (Discaj: 6,917; Hosp.: 1)
4. Hotel Jen Puteri Harbour, Nusajaya – 102 PUS (Discaj: 4,562; Hosp.: 1)
5. Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP), JB – 8 PUS (Discaj: 461; Hosp.: 14)

E. Kelantan:

Bil. SK Aktif: 0 hotel; 1 premis lain

Bil. PUS Semasa: 92

Bil. Discaj: 2,790

Bil. Ke Hosp.: 57

1. Sektor Sumber Teknologi Pendidikan (SSTP), PkIn Chepa – 92 PUS (Discaj: 2,464; Hosp.: 57)

F. Kedah:

Bil. SK Aktif: 1 hotel; 0 premis lain

Bil. PUS Semasa: 4

Bil. Discaj: 1,168

Bil. Ke Hosp.: 4

1. Hotel Seri Malaysia, Alor Setar – 4 PUS (Discaj: 760; Hosp.: 4)

G. Pulau Pinang:

Bil. SK Aktif: 2 hotel; 0 premis lain

Bil. PUS Semasa: 130

Bil. Discaj: 7,692

Bil. Ke Hosp.: 30

1. Hotel Vouk Suites, Georgetown – 74 PUS (Discaj: 432; Hosp.: 4)
2. Hotel Bahang Bay, Teluk Bahang – 56 PUS (Discaj: 3,645; Hosp.: 16)

H. Perak:

Bil. SK Aktif: 2 hotel; 0 premis lain

Bil. PUS Semasa: 23

Bil. Discaj: 11,045

Bil. Ke Hosp.: 216

1. Hotel Eastana, Ipoh – 12 PUS (Discaj: 1,189; Hosp.: 4)
2. Hotel Fairpark, Ipoh – 11 PUS (Discaj: 1,706; Hosp.: 24)

I. Sarawak:

Bil. SK Aktif: 2 hotel; 0 premis lain

Bil. PUS Semasa: 115

Bil. Discaj: 20,647

Bil. Ke Hosp.: 144

1. Hotel Hock Lee, Kuching – 60 PUS (Discaj: 2,730; Hosp.: 3)

2. Hotel Pullman, Kuching – 55 PUS (Discaj: 4,615; Hosp.: 27)

J. Sabah:

Bil. SK Aktif: 3 hotel; 0 premis lain

Bil. PUS Semasa: 162

Bil. Discaj: 3,529

Bil. Ke Hosp.: 3

1. Hotel Monaco Boutique, Kota Kinabalu – 33 PUS (Discaj: 665; Hosp.: 0)

2. Hotel Oyo No. 11, Kota Kinabalu – 33 PUS (Discaj: 828; Hosp.: 0)

3. Hotel Capital, Kota Kinabalu – 96 PUS (Discaj: 1,533; Hosp.: 3)

K. WP Labuan:

Bil. SK Aktif: 6 hotel; 0 premis lain

Bil. PUS Semasa: 17

Bil. Discaj: 16,050

Bil. Ke Hosp.: 69

1. Hotel Ambassador – 4 PUS (Discaj: 644; Hosp.: 3)

2. Hotel Ambassador 3 – 4 PUS (Discaj: 503; Hosp.: 5)

3. Hotel Pantai View – 1 PUS (Discaj: 432; Hosp.: 2)

4. Hotel Aifa – 1 PUS (Discaj: 1,215; Hosp.: 7)

5. Hotel Expo – 5 PUS (Discaj: 870; Hosp.: 2)

6. Hotel Ocean – 2 PUS (Discaj: 120; Hosp.: 1)

Keseluruhannya, rakyat Malaysia ini pulang daripada 40 negara, iaitu Filipina, Thailand, Indonesia, Kemboja, Singapura, Vietnam, Brunei, Laos, Qatar, Pakistan, Arab Saudi, Hong Kong, India, UAE, Jepun, Turki, Korea Selatan, Iran, Nepal, Bangladesh, Sri Lanka, Myanmar, Timor Leste, Taiwan, China, UK, Belanda, Papua New Guinea, Mesir, Sepanyol, Perancis, Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, Ethiopia, Maldives, Oman, Macau, Lubnan & Palau.

Pada 29 Disember 2021, seramai **532** individu telah dikuarantin di **29** stesen kuarantin di seluruh negara.